

► Membaca

Baca bahan secara luncuran. Berdasarkan bahan, kemukakan pendapat anda tentang langkah untuk memelihara terumbu karang. **SP 2.2.3**

Saya berpeluang untuk melihat terumbu karang semasa bercuti di sebuah pulau. Terumbu karang di pulau itu terdiri daripada pelbagai spesies, warna, dan bentuk. Saya sangat terpukau oleh keindahan dan keunikan terumbu karang.



Di Malaysia, kualiti terumbu karang semakin merosot dan habitatnya semakin berkurang juga. Hal ini disebabkan oleh perubahan cuaca dan faktor-faktor lain. Oleh itu, kita perlu mengambil langkah yang efektif untuk memelihara terumbu karang supaya tidak pupus.

Langkah-langkah Pemeliharaan Terumbu Karang

- 1 Mewujudkan taman laut
- 2 Menjalankan penyelidikan
- 3 Memberikan pendidikan alam sekitar
- 4 Menguatkuasakan undang-undang

Pada pendapat saya, terumbu karang harus dilindungi kerana terumbu karang sangat penting fungsinya. Antara langkah untuk melindungi dan memelihara terumbu karang adalah dengan (1) _____

_____ dapat membiak dengan baik. Selain itu, (2) _____

_____ untuk memastikan terumbu karang tidak mengalami kepupusan yang lebih teruk. Dalam pada itu, (3) _____

_____ supaya mereka sedar tentang kepentingan terumbu karang. Akhir sekali, (4) _____

_____ untuk menghalang aktiviti yang dapat memberikan kesan kepada kemusnahan terumbu karang.

Kamus Mini

1. terumbu karang – terumbu yang terjadi daripada batu karang (biasanya kelihatan ketika air surut dan boleh membahayakan kapal)
2. spesies – golongan benda (binatang, tumbuh-tumbuhan, dan lain-lain) yang mempunyai sifat yang sama atau bersamaan bangsa, jenis
3. terpukau – terpesona, terpicat
4. kualiti – darjah kecemerlangan biasanya yang tinggi, mutu
5. efektif – ada kesannya (pengaruhnya), berkesan